

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Kerajaan mampu laksana subsidi bersasar, GST

# Kerajaan mampu laksana subsidi bersasar, GST

Belanjawan dijangka beri penekanan geran, elaun cukai pelaburan galak FDI

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Kerajaan** Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memiliki kemampuan politik yang mencukupi untuk membuat keputusan sukar bagi meningkatkan profil fiskal berikutan nisbah hutang berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tidak begitu baik pada masa ini.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Alexander Chia, berkata antara isu yang sering dielakkan adalah pelaksanaan pemberian subsidi bersasar dan mengembalikan semua Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Beliau berkata, memetik pelbagai laporan media, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata bahawa program subsidi bersasar mungkin akan diperkenalkan paling lewat pada awal tahun depan, berdasarkan pangkalan data sosioekonomi dikenali Pangkalan Data Utama (PADU) yang akan dilancarkan November depan.

"Program subsidi bersasar mungkin dilaksanakan ke atas diesel dan elektrik terlebih dahulu sebelum dikembangkan kepa-



da petrol RON95.

"Untuk GST pula, kami percaya ia hanya akan diperkenalkan semula kelak bergantung pada tekad politik pihak kerajaan, malah ia mungkin tidak akan diketengahkan semula dalam Belanjawan 2024.

"Cukai baharu lain yang mungkin diperkenalkan termasuk cukai keuntungan modal (CGT) dan cukai barangan mewah yang kali pertamanya dibangkitkan pada Belanjawan 2023," katanya dalam nota penyelidikan.

### Perbelanjaan modal

Mengulas mengenai Belanjawan 2024, Chia berkata, RHB Investment Bank menjangkakan belanjawan tahunan itu akan memberikan penekanan kepada geran dan elaun cukai pelaburan yang sepadan bagi menggalakkan aliran kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara.

"Membangunkan industri berasaskan digital dan teknologi dan penggunaan sektor awam yang kian pesat mungkin memerlukan perbelanjaan modal tambahan pada prasarana teknologi maklu-

mat (IT) termasuk menitikberatkan keselamatan siber, pengurusan data, dan ikhtiar membabitkan latihan dan produktiviti.

"Selain itu, cukai perjudian baharu mungkin tidak akan diketengahkan walaupun kami tidak dapat menyetepikan sepenuhnya pelaksanaan duti eksais lebih mahal terhadap tembakau dan minuman keras. Sungguhpun begitu, langkah ini akan memerlukan usaha yang lebih giat dari segi penguatkuasaan.

"Bagi sektor hartanah, tiada usul besar dijangkakan untuk belanjawan kali ini. Sektor automotif mungkin mendapat insentif berkaitan prasarana pengecasan kenderaan elektrik (EV), insentif bagi EV yang dipasang secara tempatan dan reformasi cukai jalan untuk EV," katanya.

Beliau menjelaskan, melihat kewangan kerajaan berdepan kekangan tatkala asas hasil rendah, tumpuan utama Belanjawan 2024 akan terarah kepada pilihan untuk mengembangkan sumber pendapatan dan mewajarkan subsidi sambil meneruskan inisiatif bagi menyokong kumpulan berpendapatan lebih rendah.

"Sasaran perbelanjaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) menunjukkan perbelanjaan pembangunan mencecah RM90 bilion. Jabatan Ekonomi RHB mengunjurkan defisit fiskal 2024 mencapai 4.5 peratus daripada KDNK.

"Oleh itu, kami ramalkan belanjawan kali ini akan membuka peluang supaya usaha-usaha pembaharuan fiskal yang nyata dapat dijalankan kelak," katanya.